

**D.R. 21/2012**

**RANG UNDANG-UNDANG PASUKAN SUKARELAWAN  
MALAYSIA 2012**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

*Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PENUBUHAN DAN PELANTIKAN  
PASUKAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

3. Penubuhan Pasukan Sukarelawan Malaysia
4. Pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai lain

**BAHAGIAN III**

**TUGAS DAN KUASA RELA**

5. Tugas RELA
6. Kuasa untuk mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor

**BAHAGIAN IV**

**ANGGOTA RELA DAN PENDAFTARAN**

7. Pendaftaran sebagai anggota RELA
8. Perakuan pelantikan
9. Tempoh keanggotaan

*Fasal*

10. Latihan
11. Cuti bagi latihan
12. Larangan membuang pekerja atas alasan latihan
13. Peletakan jawatan sebagai anggota
14. Penamatan keanggotaan
15. Elaun

## BAHAGIAN V

## KESALAHAN

16. Kesalahan memiliki perakuan pelantikan
17. Kesalahan menggalang
18. Penyamaran

## BAHAGIAN VI

## AM

19. Pakaian seragam dan kelengkapan
20. Pakaian seragam dan kelengkapan hendaklah dikembalikan apabila berhenti menjadi anggota
21. Kawasan RELA
22. Pangkat RELA
23. Pangkat kehormat dan bersekutu
24. Arahan Tetap Ketua Pengarah
25. Penjawat awam
26. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
27. Kuasa membuat peraturan-peraturan
28. Peruntukan kecualian

## JADUAL

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, tugas dan kuasa Pasukan Sukarelawan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2012.

#### **Tafsiran**

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota RELA” ertinya seseorang anggota sukarelawan yang telah didaftarkan sebagai anggota RELA di bawah subseksyen 7(1);

“kenderaan motor” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah RELA yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“khidmat masyarakat” ertinya apa-apa kerja, perkhidmatan atau pelaksanaan arahan bagi kebaikan orang awam pada amnya sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi RELA;

“Pasukan Sukarelawan Malaysia” atau “RELA” ertinya pasukan sukarelawan yang ditubuhkan di bawah Akta ini;

“pegawai RELA” ertinya mana-mana orang yang dilantik sebagai seorang pegawai RELA di bawah subseksyen 4(1) dan (2);

“warden lalu lintas” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN DAN PELANTIKAN PASUKAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

#### **Penubuhan Pasukan Sukarelawan Malaysia**

**3.** Suatu Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) ditubuhkan yang hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan pegawai dan anggota RELA.

#### **Pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai lain**

**4.** (1) Menteri boleh melantik, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam, seorang Ketua Pengarah RELA yang hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Menteri.

(2) Menteri boleh melantik, daripada kalangan anggota perkhidmatan awam, apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pengarah RELA dan pegawai lain sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(3) Semua pegawai yang dilantik di bawah subseksyen (2) dan anggota RELA yang didaftarkan di bawah Akta ini adalah tertakluk kepada perintah, kawalan dan arahan Ketua Pengarah.

(4) Ketua Pengarah boleh secara bertulis, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan yang difikirnya patut dikenakan, mewakili segala atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini kepada Timbalan Ketua Pengarah RELA atau kepada pegawai RELA.

### BAHAGIAN III

#### TUGAS DAN KUASA RELA

#### **Tugas RELA**

**5.** (1) Tiap-tiap pegawai dan anggota RELA hendaklah mempunyai tugas yang berikut:

- (a) membantu mana-mana pasukan atau pihak berkuasa keselamatan yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis apabila diminta oleh pasukan keselamatan atau pihak berkuasa itu;
- (b) memberikan bantuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor;
- (c) mengambil bahagian dalam khidmat masyarakat;
- (d) membantu dalam melindungi bangunan, pemasangan atau harta lain yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana badan berkanun lain atau apa-apa harta persendirian apabila diminta oleh pemunya bangunan, pemasangan atau harta itu; dan

(e) menjalankan apa-apa perintah dan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah yang selaras dengan peruntukan Akta ini.

(2) Tiap-tiap pegawai dan anggota RELA hendaklah melaksanakan tugas dan menjalankan kuasa sebagaimana yang dikenakan oleh undang-undang dan hendaklah mematuhi segala arahan yang sah yang diterimanya dari semasa ke semasa daripada pegawai atasan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

(3) Bagi maksud menjalankan tugas di bawah perenggan (1)(a), pegawai dan anggota RELA hendaklah berada di bawah perintah pegawai pasukan atau pihak berkuasa keselamatan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berada di tempat itu.

### **Kuasa untuk mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor**

6. (1) Bagi maksud menjalankan tugas di bawah perenggan 5(1)(b), pegawai dan anggota RELA boleh mengubah haluan apa-apa kenderaan motor di atas jalan raya, jalan dan mana-mana tempat yang orang ramai mempunyai akses kepadanya.

(2) Pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen (1), pegawai dan anggota RELA hendaklah berada di bawah perintah pegawai polis atau warden lalu lintas, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang berada di tempat itu.

## **BAHAGIAN IV**

### **ANGGOTA RELA DAN PENDAFTARAN**

#### **Pendaftaran sebagai anggota RELA**

7. (1) Seseorang orang yang berumur lapan belas tahun dan ke atas yang berupa seorang warganegara dan bukan seorang anggota Angkatan Tentera atau mana-mana pasukan atau skim sukarelawan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis boleh memohon secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk didaftarkan sebagai seorang anggota RELA.

(2) Apabila permohonan itu dibuat, Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh mendaftarkan atau enggan untuk mendaftarkan orang itu sebagai seorang anggota RELA.

(3) Seseorang hendaklah disifatkan sebagai telah didaftarkan sebagai seorang anggota RELA apabila disampaikan kepadanya suatu notis oleh Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah bahawa dia telah dipilih untuk didaftarkan.

(4) Seseorang anggota RELA yang di bawah umur lapan belas tahun pada permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terhenti menjadi anggota RELA.

### **Perakuan pelantikan**

8. Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pelantikan dalam bentuk kad keselamatan kepada tiap-tiap anggota RELA.

### **Tempoh keanggotaan**

9. (1) Tempoh pendaftaran bagi tiap-tiap anggota RELA adalah lima tahun dari tarikh pendaftarannya dan Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melanjutkan tempoh pendaftaran itu.

(2) Nama seorang anggota yang tempoh pendaftarannya tidak dilanjutkan hendaklah diletakkan dalam senarai simpan.

### **Latihan**

10. Tiap-tiap anggota RELA hendaklah menjalani latihan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah untuk menyesuaikan bagi tugas-tugas yang dia mungkin dipanggil untuk melaksanakannya.

**Cuti bagi latihan**

**11.** (1) Tiap-tiap majikan hendaklah, jika mana-mana orang dalam penggajiannya yang merupakan seorang anggota RELA dipanggil untuk menjalani latihan di bawah Akta ini, memberi orang itu apa-apa cuti selama tempoh latihan itu untuk membolehkan orang itu menjalani latihan.

(2) Tempoh latihan hendaklah tidak melebihi sepuluh hari pada satu-satu masa.

(3) Tiada seorang majikan pun boleh—

- (a) tertakluk kepada subseksyen (4), membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pemindahan atau pemotongan tidak wajar daripada gaji, saraan lain atau cuti tahunan orang itu;
- (b) mengenakan atau menyebabkan dikenakan ke atas, atau menuntut daripada, orang itu apa-apa penalti; atau
- (c) mengubah terma dan syarat pekerjaan orang itu dengan memudaratkannya,

semata-mata oleh sebab dia tidak hadir bekerja semasa tempoh latihan itu.

(4) Seseorang majikan yang termasuk dalam takrif Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], Ordinan Buruh [*Sabah Bab 67*] atau Ordinan Buruh [*Sarawak Bab 76*] boleh memotong gaji atau saraan lain orang yang mengikuti latihan di bawah subseksyen (1).

(5) Seseorang majikan yang—

- (a) secara langsung atau tidak langsung enggan atau, dengan ugutan, pengaruh tidak wajar atau dalam apa-apa cara lain, mengganggu pemberian tempoh cuti yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) kepada mana-mana orang; atau
- (b) melanggar subseksyen (3),

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi enam ribu ringgit.



(6) Mahkamah yang seorang majikan disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (5) bagi pelanggaran subseksyen (3) boleh memerintahkan majikan itu supaya membayar kepada orang yang disebut dalam subseksyen (3) gaji dan saraan lain yang orang itu berhak kepadanya semasa tempoh latihan itu.

### **Larangan membuang pekerja atas alasan latihan**

**12.** Tiap-tiap majikan yang membuang kerja seseorang yang merupakan seorang anggota RELA atas alasan utama orang itu dipanggil untuk menjalani latihan di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi enam ribu ringgit.

### **Peletakan jawatan sebagai anggota**

**13.** (1) Seseorang anggota RELA boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan anggota dengan memberikan notis yang bermaksud sedemikian kepada pegawai atau anggota RELA yang mempunyai kuasa ke atasnya.

(2) Pegawai atau anggota RELA itu, apabila menerima notis di bawah subseksyen (1), hendaklah menyampaikan suatu notis kepada anggota yang meletak jawatan itu memaklukkannya bahawa dia telah dilepaskan daripada menganggotai RELA dan sesudah itu orang itu hendaklah berhenti menjadi anggota RELA.

(3) Seseorang yang berhenti menjadi anggota RELA di bawah subseksyen (2) hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas dia berhenti menjadi anggota, menyerahkan perakuan pelantikan yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini.

### **Penamatan keanggotaan**

**14.** Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh menamatkan keanggotaan seorang anggota RELA.

### **Elaun**

**15.** Seseorang anggota RELA yang bertugas hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

## BAHAGIAN V

## KESALAHAN

**Kesalahan memiliki perakuan pelantikan**

**16.** (1) Seseorang, yang bukan seorang anggota RELA, tidak boleh mempunyai dalam milikannya suatu perakuan pelantikan yang dikeluarkan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Kesalahan menggalang**

**17.** Mana-mana orang yang menggalang, memujuk atau menghalang atau cuba untuk menggalang, memujuk atau menghalang atau membantu dalam menggalang, memujuk atau menghalang mana-mana orang daripada mendaftarkan diri dalam RELA atau daripada melaksanakan tugasnya atau menjalankan kuasanya sebagai seorang anggota RELA, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**Penyamaran**

**18.** Mana-mana orang bukan menjadi seorang pegawai atau anggota RELA yang—

- (a) berpura-pura menjadi seorang pegawai atau anggota RELA dengan menyedari bahawa dia bukan sedemikian;
- (b) secara salah menyamar sebagai seorang pegawai atau anggota RELA; atau
- (c) atas sifat yang dibuat-buat itu melakukan atau cuba untuk melakukan apa-apa perbuatan atas alasan menjadi seorang pegawai atau anggota RELA,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VI

AM

**Pakaian seragam dan kelengkapan**

**19.** (1) Tiap-tiap pegawai RELA hendaklah dibekalkan dengan apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan dan hendaklah memakai apa-apa lencana pangkat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tiap-tiap anggota RELA yang layak mendapat pakaian seragam dan kelengkapan hendaklah dibekalkan dengan apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan dan memakai apa-apa lencana pangkat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pegawai dan anggota RELA yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah menyimpan dalam milikannya dan menyelenggara pakaian seragam dan kelengkapan itu dalam keadaan baik.

**Pakaian seragam dan kelengkapan hendaklah dikembalikan apabila berhenti menjadi anggota**

**20.** (1) Apabila seorang pegawai atau anggota RELA berhenti daripada RELA dia hendaklah, dalam tempoh empat belas hari, mengembalikan kepada orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah bagi maksud itu pakaian seragam dan kelengkapan yang dibekalkan kepadanya.

(2) Seseorang pegawai atau anggota RELA yang, setelah berhenti menjadi anggota RELA, tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, dan, sebagai tambahan, boleh dikehendaki membayar nilai harta yang tidak dikembalikan, dan nilai itu akan ditentukan oleh mahkamah secara penghakiman terus dan boleh didapatkan kembali sebagai suatu denda.

**Kawasan RELA**

21. Ketua Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, menentukan kawasan RELA bagi maksud kawalan secara pentadbiran oleh mana-mana pegawai dan anggota RELA sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

**Pangkat RELA**

22. (1) Pangkat RELA adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

**Pangkat kehormat dan bersekutu**

23. Menteri boleh menganugerahkan pangkat kehormat atau bersekutu dalam RELA kepada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya sesuai.

**Arahan Tetap Ketua Pengarah**

24. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan arahan secara pentadbiran, yang dipanggil “Arahan Tetap” yang selaras dengan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini tentang kawalan, tugas dan latihan am pegawai dan anggota RELA.

**Penjawat awam**

25. Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan tiap-tiap anggota RELA, semasa menunaikan tugas sebagai pegawai atau anggota RELA itu hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

## **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**26.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai atau anggota RELA berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau benda, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan olehnya dengan suci hati, atas sifat demikian.

### **Kuasa membuat peraturan-peraturan**

**27.** (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang selaras dengan Akta ini bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berhubung dengan semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) pembayaran ganjaran, elaun, faedah, pampasan dan apa-apa pemberian lain yang kena dibayar kepada anggota RELA di bawah Akta ini;
- (b) perihal dan pengeluaran pakaian seragam dan keperluan yang akan dibekalkan kepada pegawai dan anggota RELA;
- (c) pemberian pangkat kehormat dan bersekutu kepada orang dan keadaan yang dalamnya orang itu boleh memakai pakaian seragam mengikut pangkat; dan
- (d) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dijangkakan oleh, atau adalah perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini.

### **Peruntukan kecualian**

**28.** (1) Orang yang dilantik di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat 1966 [*P.U. 33/66*]) hendaklah terus menjadi pegawai di bawah undang-undang ini seolah-olah orang itu telah dilantik di bawah subseksyen 4(1) dan (2) Akta ini.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 7(4), orang yang didaftarkan sebagai anggota Ikatan Relawan Rakyat di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Ikatan Relawan Rakyat) 1966 hendaklah terus menjadi anggota di bawah Akta ini seolah-olah orang itu didaftarkan di bawah subseksyen 7(2) Akta ini.

## JADUAL

[Seksyen 22]

## PANGKAT RELA

## 1. PEGAWAI RELA

Jeneral

Leftenan Jeneral

Mejar Jeneral

Brigedier Jeneral

Kolonel

Leftenan Kolonel

Mejar

## 2. ANGGOTA RELA

Kapten

Leftenan

Leftenan Muda

Pegawai Waran I

Pegawai Waran II

Staf Sarjan

Sarjan

Koperal

Lans Koperal

Prebet

HURAIAN

Rang Undang-Undang Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) 2012 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan berkaitan dengan penubuhan Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA), dan untuk mengadakan peruntukan bagi tugas dan kuasanya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I memperkatakan perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan dan pelantikan Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA).
6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan RELA.
7. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai RELA lain.

BAHAGIAN III

8. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tugas dan kuasa RELA.
9. *Fasal 5* menyatakan tugas tiap-tiap pegawai dan anggota RELA.
10. *Fasal 6* memberi pegawai dan anggota RELA kuasa untuk mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor.

BAHAGIAN IV

11. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan anggota RELA dan pendaftaran.
12. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran anggota RELA.
13. *Fasal 8* mengadakan peruntukan bagi pengeluaran perakuan pelantikan dalam bentuk kad keselamatan kepada anggota RELA.

14. *Fasal 9* menyatakan tempoh bagi pendaftaran anggota RELA dan pendaftaran itu boleh dilanjutkan oleh Ketua Pengarah. Sekiranya tempoh pendaftaran anggota RELA tidak dilanjutkan namanya hendaklah diletakkan dalam senarai simpan.
15. *Fasal 10* memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menentukan latihan bagi anggota RELA.
16. *Fasal 11* bertujuan untuk mengenakan kewajipan kepada majikan untuk memberikan pelepasan kepada anggota RELA yang menjalani latihan dan menjadikannya suatu kesalahan sekiranya majikan membuat apa-apa potongan daripada gaji, mengenakan apa-apa penalti atau mengubah terma dan syarat pekerjaan semata-mata kerana ketidakhadiran anggota bekerja semasa tempoh latihan.
17. *Fasal 12* bertujuan untuk melarang pempuangan kerja kerana menghadiri latihan.
18. *Fasal 13* bertujuan untuk membenarkan anggota RELA untuk meletakkan jawatan sebagai anggota dengan memberikan notis secara bertulis kepada pegawai atau anggota RELA yang mempunyai kuasa ke atasnya.
19. *Fasal 14* bertujuan untuk membenarkan Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk menamatkan keanggotaan seseorang anggota RELA.
20. *Fasal 15* memberi Menteri kuasa untuk menentukan elaun yang akan dibayar kepada anggota RELA.

#### BAHAGIAN V

21. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang memperkatakan kesalahan.
22. *Fasal 16* menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang yang bukan anggota RELA untuk mempunyai dalam milikannya suatu perakuan pelantikan yang dikeluarkan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini manakala *fasal 17* memperkatakan kesalahan menggalang, memujuk atau menghalang mana-mana orang daripada mendaftarkan diri dalam RELA atau daripada melaksanakan tugas atau menjalankan kuasa sebagai anggota RELA.
23. *Fasal 18* memperkatakan kesalahan penyamaran.

#### BAHAGIAN VI

24. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.
25. *Fasal 19* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pakaian seragam dan kelengkapan manakala *fasal 20* mengenakan kewajipan kepada pegawai dan anggota RELA untuk mengembalikan apa-apa pakaian seragam dan kelengkapan apabila berhenti menjadi pegawai atau anggota RELA.



26. *Fasal 21* memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menentukan kawasan RELA.
27. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pangkat RELA dan memberi kepada Menteri kuasa untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.
28. *Fasal 23* memberi Menteri kuasa untuk memberikan pangkat kehormat atau pangkat bersekutu kepada mana-mana orang.
29. *Fasal 24* memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengeluarkan arahan pentadbiran yang dipanggil “Arahan Tetap” bagi kawalan, tanggungjawab dan latihan am pegawai dan anggota RELA.
30. *Fasal 25* memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan tiap-tiap anggota RELA hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan apabila menunaikan tugas mereka.
31. *Fasal 26* memperuntukkan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kepada Ketua Pengarah, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, pegawai dan tiap-tiap anggota RELA.
32. *Fasal 27* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.
33. *Fasal 28* memperkatakan peruntukan kecualian.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2844]